



21 **NOTA JAMAK & QASAR SOLAT**

santai tapi sampai

*Nota ringkas beserta
grafik menarik*

Izzat Amin Mohd Nasir

21 **NOTA JAMAK & QASAR SOLAT**

santai tapi sampai

*Nota ringkas beserta
grafik menarik*

Izzat Amin Mohd Nasir

PENULIS

IZZAT AMIN BIN MOHD. NASIR

JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHİYAH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KULIM HI-TECH PARK,
09000 KULIM, KEDAH.

No. Telefon : (04) 4033333

No. Faksimili : (04) 4033303

E-mel : maklumbalas@ptsb.edu.my

Laman Sesawang: <https://ptsb.mypolycc.edu.my/>

Hak Cipta © 2023 Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

e ISBN: 978-967-2740-58-2

Hak cipta terpelihara. Mana-mana Bahagian di dalam buku ini tidak dibenarkan untuk disalin, disimpan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi dan rakaman atau sebaliknya atau apa cara yang memungkinkan untuk diterbitkan semula tanpa izin daripadapenulis dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Izzat Amin bin Mohd. Nasir

21 Nota Jamak & Qasar Solat / Penulis : Izzat Amin bin Mohd. Nasir,

Mode of access: Internet

eISBN : 978-967-2740-58-2

1. Nota Jamak & Qasar Solat

2. Solat Jamak

3. Solat Qasar

4. Government publications--Malaysia.

5. Electronic books.

I. Izzat Amin bin Mohd Nasir

II. Judul.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kementerian Pengajian Tinggi




Biodata Penulis



Izzat Amin bin Mohd Nasir

Dilahirkan dan menetap di Baling, Kedah. Mendapat pendidikan peringkat menengah di Maktab Mahmud Yan seterusnya Maktab Mahmud Alor Star. Melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya dalam bidang Pendidikan Islam pengkhususan Pengajian Al-Quran seterusnya peringkat Sarjana di Universiti Utara Malaysia dalam bidang Pendidikan Islam pengkhususan Pengajian Islam.

Memulakan kerjayanya di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah bermula 2011 hingga 2016. Kemudian meneruskan kerjayanya di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim bermula Disember 2016 hingga kini. Beliau turut berkhidmat sebagai Imam/ Pengerusi Masjid Al-Fateh Kuala Pegang bermula 2017 hingga kini.



Abstrak

Islam merupakan agama yang bersifat menyeluruh serta merangkumi setiap aspek kehidupan manusia. Ketaatan serta ketundukan kepada Allah merupakan tujuan utama manusia itu diciptakan. Firman Allah *"Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku."* (Surah Az-Zariyat 56).

Beribadah padaNya bukan terhad ketika waktu senang sahaja, tetapi ibadah itu hendaklah dilakukan dalam waktu senang mahupun susah. Justeru, Allah S.W.T telah memberikan kemudahan serta keringanan pada hamba-hambaNya untuk melakukan ibadah. Sebagai contoh, jika seseorang itu bermusafir, mereka boleh menggunakan rukhsah dalam solat yang khas untuk orang yang bermusafir (menjamakkan solat)

Rukhsah solat adalah kemudahan atau keringanan yang membolehkan orang Islam yang bermusafir untuk menunaikan solat secara qasar dan jamak. Hukum mengerjakan solat secara qasar dan jamak adalah harus dan ini membuktikan bahawa umat Islam boleh mengerjakan solat dalam apa jua keadaan dan agama Islam adalah agama yang tidak menyusahkan penganutnya. Rukhsah solat ini merupakan hadiah teristimewa dari Allah buat hamba-hambaNya.

Justeru E-book 21 nota jamak dan qasar solat ini ditampilkan dalam bentuk santai, ringkas serta grafik yang menarik bagi memudahkan para pembaca mendapatkan ilmu berkaitan rukhsah solat. Hasil daripada pembelajaran topik ini, pelajar akan dapat memahami serba sedikit berkaitan solat jamak dan qasar secara ringkas.

Kata kunci : pengucapan umum, komunikasi lisan





Isi Kandungan

✈	Biodata Penulis.....	ii
✈	Abstrak.....	iii
✈	Isi Kandungan.....	iii
...	Nota 1.....	1
...	Nota 2.....	3
...	Nota 3.....	6
...	Nota 4.....	10
...	Nota 5.....	11
...	Nota 6.....	12
...	Nota 7.....	13
...	Nota 8.....	16
...	Nota 9.....	17
...	Nota 10.....	18
...	Nota 11.....	19
...	Nota 12.....	20
...	Nota 13.....	21
...	Nota 14.....	22
...	Nota 15.....	23
...	Nota 16.....	24
...	Nota 17.....	25
...	Nota 18.....	26
...	Nota 19.....	27
...	Nota 20.....	28
...	Nota 21.....	29
✈	Isu Kontemporari.....	31
✈	Rujukan.....	40



"Jamak qasar rumah mak ayah boleh,
sekiranya dia dah tinggal di suatu
tempat lain dengan niat kekal di situ.
Pendek kata *tidak ada niat dah nak
patah balik tinggal bersama mak ayah
melainkan ziarah sahaja.*"





Musafir

Seorang yang melakukan perjalanan jauh melebihi 2 marhalah atau 81 KM.



Bermukim

Seorang yang menetap di suatu tempat lebih daripada 3 hari tidak termasuk hari datang dan hari keluar.




Bermastautin

tempat tinggal hakikinya.



2

"Cukup syarat di atas, tengok pula
berapa hari nak duduk situ. Harus
diingat, jangan lebih 4 hari, 3 hari lebih
masih boleh."



*"Tidak berniat menetap selama empat hari
di tempat yang dituju selain pada hari
mula sampai dan pada hari akan keluar."*

Kitab al-Fiqh al-Manhaji (1/186)





Pertukaran hari dalam Islam
adalah selepas Maghrib & bukan
12.00 tengah malam.



TEMPOH 3 HARI BAGI MUSAFIR

"Seseorang yang musafir hendaklah berniat menetap 3 hari di destinasi musafirnya. Ini tidak termasuk hari sampai (siang/malam) dan pulang (siang/malam). Keseluruhan hari tersebut, ia boleh mencecah 5 hari"

Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri



Contoh sampai hari Jumaat :-

- Sampai sebelum Subuh, *mulakan kiraan hari dari masuk Subuh hari tersebut.*
- Sampai selepas Subuh, *kiraan bermula dari masuk Maghrib.*
- Sampai selepas Maghrib, *kiraan mula Subuh esoknya.*



JIKA MUSAFIR ITU SAMPAI PADA WAKTU SIANG

	ISNIN 1	SELASA 2	RABU 3	KHAMIS 4	JUMAAT 5
					
		Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar
					
Sampai	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar

Contoh :

- Ali sampai KL (destinasi musafir jauh) dari Kedah (tempat asal) pada pukul 11.00 pagi hari Isnin.
- Boleh Jamak & Qasar : Jika dia berniat untuk balik semula ke tempat asalnya, atau keluar musafir jauh ke tempat lain, pada siang Jumaat.
- Tidak boleh Jamak & Qasar : Jika dia berniat keluar Jumaat malam Sabtu, maka dia tidak boleh melakukannya selama tinggal di KL.
- Adapun semasa perjalanan, maka tiada masalah.



JIKA MUSAFIR ITU SAMPAI PADA WAKTU MALAM

	ISNIN 1	SELASA 2	RABU 3	KHAMIS 4	JUMAAT 5
					
	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	
					
Sampai	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	Jamak & Qasar	

Contohnya,

- Ali sampai KL daripada Kedah (tempat asal) pada jam 11.00 malam, Ahad malam Isnin.
- Boleh Jamak & Qasar : Jika dia berniat untuk balik semula ke tempat asalnya, atau keluar musafir jauh ke tempat lain, pada Khamis malam Jumaat.
- Tidak boleh jamak & qasar : Jika dia berniat keluar siang Jumaat, maka dia tidak boleh melakukannya selama tinggal di KL.
- Adapun semasa perjalanan, maka tiada masalah.



Kemudian lihat berapa jarak perjalanan, iaitu 2 marhalah. 2 marhalah ni banyak pendapat. Penulis syorkan *mengikut ketetapan majlis fatwa iaitu 81 km ke atas* dari permulaan batas qariah tempat bertolak hingga batas qaryah kampung mak ayahnya.



Jika dia niat nak balik seminggu (7 hari), sampai sahaja di qariahnya, sudah tak boleh jamak qasar lagi.



Satu salah faham yang banyak di amalkan dalam masyarakat kita hari ini : Jamak tiga hari awal, baki 4 hari solat biasa.

Adapun dalam perjalanan, pergi dan balik memang boleh jamak qasar jika cukup dua marhalah.



Ada yang bercadang (berniat) balik rumah mak ayah kandungnya dari Kuala Lumpur ke Sungai Petani (lebih dari 2 marhalah) tanpa bercadang (berniat) untuk balik ke rumah mertuanya di Alor Setar. Adakah boleh jamak & qasar sepanjang dia berada di Kedah?



Perinciannya:-

📌 maka jarak yang di kira dalam niat hanyalah Kuala Lumpur ke Sungai Petani


📌 jika dalam tempoh kurang 4 hari di Sungai Petani, dia curi-curi masa balik ke Alor Star, dia boleh jamak qasar rumah mertua/ Alor Star kerana dikira dia dalam tempoh niat jarak KL -SP



📌 jika selepas tempoh 4 hari, dia balik ke Alor Star, dia tak boleh guna jarak KL-SP- Alor Star...kerana Alor Star tiada dalam niat asal.

📌 maka jarak yg dikira ialah SP ke Alor Star, 60km sahaja. Maka solatlah dengan seperti biasa.

📌 berbeza orang yg menjadikan niat Alor Star destinasi akhir, maka di SP dan Alor Star dia boleh jamak qasar dgn melengkapinya syarat-syarat di atas. Maka qiyaskan dengan lokasi anda masing-masing.



Jika dia niat nak duduk rumah mak ayahnya kurang 4 hari, selepas dua hari misalannya, dia niat nak tambah hari jadi seminggu, mula dari dia niat tambah hari tersebut, dia dah **tak boleh jamak qasar** kerana dia sudah merubah status musafir kepada **muqim**.



Jamak Taqdim : Niat Solat boleh dilakukan sebelum mula solat pertama sehingga sebelum memberi salam solat pertama.

- Jika *ada niat* ini dalam tempoh begini, maka bolehlah dia bangun dan kerjakan solat kedua.
- Jika *tiada niat*, tunggulah masuk Asar atau Isyak untuk solat. Boleh qasar Asar dan Isyak atau solat sempurna 4 rakaat.




Berbeza Jamak Takhir, mesti ada niat dalam waktu solat pertama.

Contohnya nak jamak takhir Zohor dan Asar, sebelum tamat waktu Zohor, mesti ada niat nak buat jamak takhir.



- Niat *Solat Qasar* mesti berlaku dalam takbiratul ihram.
- Niat *Solat Jamak* tidak mesti dalam Takbiratul Ihram.



Niat Qasar solat di belakang imam yang tidak diketahui sama ada dia nak solat tamam (sempurna) atau qasar (pendek)?

Hal ini selalu berlaku di R&R.

Jika keadaan begini terjadi, niat sahaja dengan niat gantung. Jika dia Qasar maka aku Qasar, jika dia Tamam maka aku Tamam.



Sesiapa sahaja jadi imam di R&R, jika kemasukan pengunjug ramai memerlukan tempat solat segera dan tempat solat padat *justeru disarankan agar ringkaskan solat dan zikir sahaja di dalam kereta.*

Ambil iktibar dengan hadis nabi melarang sahabat memanjangkan bacaan solat sehingga menyusahkan jemaah.



R&R itu di iktibarkan sebagai tempat solat matruq (مطروق) jalanan/laluan keluar masuk orang itu di iktibarkan sebagai tempat solat matruq (مطروق) jalanan/laluan keluar masuk orang.. Imam ratib pun tak ada.

Imam Ar-Ramli :-

- tidak makruh buat dua jemaah satu satu masa,
- tidak makruh solat sorang-sorang walaupun ada jemaah lain yang solat kita tidak menjadi makmumnya.



Muwaalah (berturut-turut) dalam jamak solat:

📌 *Jamak taqdim - selepas solat pertama jangan dilengahkan untuk solat kedua. Terus bangun. Wajib berlaku muwaalat (berturut-turut). Had masa berlaku muwalat ini ialah dua rakaat sunat yang ringkas mungkin.*

📌 *Jamak takhir - Tidak wajib muwaalat (berturut-turut)*



Soalan : Ketika masuknya solat Zohor, beliau masih belum keluar rumah. Bolehkah beliau jamak solat juga kerana ketika azan Zohor berkumandang, beliau masih berlengah-lengah di rumah.

Jawapan : Pendapat terkuat dalam Mazhab Shafie : BOLEH.

Keluar sahaja dari qaryah, boleh jamak dan qasar.

Slow & Steady



Soalan : Saya dah jamak sekali Asar tetapi waktu sampai di rumah, Asar pun belum masuk. Adakah kena solat Asar sekali lagi?

Jawapan : Tidak perlu. Yang tak boleh ialah waktu dia solat tersebut, dia telah masuk kampungnya. Bagaimana ia terjadi? Solat atas keretapi/ kapal air/ kapal terbang yang dia naiki masuk dalam kampung dia.



Soalan : Adakah dibolehkan jamak qasar solat dengan memilih laluan jauh sedangkan wujud jalan dekat untuk balik kampung TANPA HAJAT.

Jawapan : **TAK BOLEH.** Kalau semata-mata nak jamak *melainkan nak elak jem, elak tol, ziarah sedara maka boleh jamak.*



Berlaku maksiat ketika safar (dalam perjalanan) masih meluluskan jamak qasar.

📌 *Musafir kerana maksiat (pergi Kuala Lumpur kerana menang loteri) : Tidak boleh jamak & qasar.*

📌 *Ketika musafir ke Kuala Lumpur melihat wanita : masih boleh walaupun berdosa.*



Safar hari Jumaat jika keluar sebelum Subuh menggugurkan Jumaat. Jika selepas Subuh mewajibkan Jumaat. Dalam mazhab kita boleh menjamakkan Jumaat dengan Asar.



HARAM bermusafir pada hari jumaat
SELEPAS MASUK SUBUH sekiranya dengan
safarnya itu **MENYEBABKAN DIA TINGGAL**
SOLAT JUMAAT.



📌 Jika dia tahu sekiranya dia musafir juga selepas Subuh akan meninggalkan Jumaat, maka **HARAM** bermusafir sehingga selepas selesai solat Jumaat.

📌 Jika dia bermusafir juga dalam keadaan tinggal Jumaat, jarak dari batas qaryah tempat dia bertolak **TIDAK DIKIRA**

📌 Jarak akan mula dikira selepas semua masjid yang membolehkan dia solat Jumaat tamat solat!

📌 Selepas tamat semua solat Jumaat itu, jika jarak berbaki yg akan dia tempuhi masih mencukupi 2 marhalah, maka dia boleh jamak qasar solat.

📌 Jika tidak cukup 2 marhalah, wajib solat secara rakaat tamam (sempurna). Dan sampai rumah orang tua dia pun tak boleh jamak jika jarak berbaki tadi tak mencukupi 2 marhalah.



Isu Kontemporari Tamak dan Qasar





SEMPADAN QARIAH (Zaman Dulu)

Sempadan qariah adalah tempat permulaan perkiraan bermulanya musafir.



Tembok atau kota.

Parit, kubu, sungai,
pintu gerbang

Lintas kawasan
akhir perumahan.

Lintas kesemua rumah dalam
kawasan kediamannya.

Lintas sempadan
qariah

Perjalanan laut, kapal
mula bergerak.





SEMPADAN QARIAH (Zaman Sekarang)

Sempadan qariah adalah tempat permulaan perkiraan bermulanya musafir.



Tinggal di kampung

Melintasi signboard kampung.

Tinggal di bandar & pinggir bandar

Melintasi signboard pada urufnya menandakan habis had kawasan bandar.

Tempat telah siap pembahagian tertentu.

Contoh Seksyen, Presint. Keluar dari pembahagian.

Tinggal di taman/ kawasan perumahan

Keluar dari pagar melingkungi taman tersebut

Tinggal di kuarters.

Keluar sempadan qariah yang menjadi lokasi kuarters

Sempadan mukim ditentukan pihak berwajib

Menggunapakai sempadan Mukim ditetapkan Majlis Agama Islam.





Hukum solat Jamak Qasar di pejabat

الكافي للفتاوي | 494
Al-Kafi lil al-Fatwa

SAYA DITUGASKAN
KE OUTSTATION.
DALAM PERJALAN
BALIK KE RUMAH,
BOLEHKAH SAYA
SINGGAH DI PEJABAT
UNTUK SOLAT JAMAK
TAKDIM ATAU TAKHIR ?

BEGINI...



Sahibul Samahah

Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
menyimpulkan:

**PENENTUAN HUKUM BAGI
SITUASI YANG BERBEZA MENGIKUT
DESTINASI DAN LOKASI PEJABAT**



DESTINASI OUTSTATION ➡ RUMAH	LOKASI PEJABAT	SOLAT QASAR & JAMAK
Sejauh 2 marhalah (81 km)	Luar kawasan kampung (mastautin/mukim)	✓ Sah
Sejauh 2 marhalah (81 km)	Dalam kawasan kampung (mastautin/mukim)	✗ Tidak sah
Kurang 2 marhalah (81 km)	Luar kawasan kampung (mastautin/mukim)	✗ Tidak sah
Kurang 2 marhalah (81 km)	Dalam kawasan kampung (mastautin/mukim)	✗ Tidak sah

SUMBER: AL-KAFI #1409 | SOLAT JAMAK QASAR DI PEJABAT

[f Mufti Wilayah Persekutuan](#)
[@drzul_albakri](#)
[@drzulkifli.albakri](#)
[Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan](#)
[www.muftiwp.gov.my](#)





Maksud dua marhalah di dalam jamak dan qasar

الكافي للمفتاوي
Al-Kafi li al-Fatwa

300

Makruh

Cth : perjalanan berniaga alat muzik

Haram

Cth : tanpa keizinan suami

Firman Allah SWT:
"jika kamu bermusafir di muka bumi ini, maka tidak berdosa ke atas kamu untuk memendekkan solat (solat empat rakaat dijadikan kepada dua rakaat)".

(Surah An-Nisa':101)

HUKUM SAFAR



Wajib

Cth : Fardhu haji, menuntut ilmu

Sunat

Cth : menyambung silaturrahim

Harus

Cth : tujuan berniaga

Sahibus Samahah

Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
menyimpulkan:



DUA MARHALAH MENGIKUT UKURAN SEKARANG :

- 88.704 km (Syeikh Wahbah az-Zuhaili)
- 84 km (Syeikh Muhammad 'Ali as-Shabuni)
- 82 km (Syeikh Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaffi)
- 81 km (Rujuk Fiqh al-Manhaji)

**“Ukuran ini lebih kepada Taqribi (anggaran),
bukannya Tahdidi (ketepatan), diharuskan solat qasar
jika sudah mencapai dua marhalah
(seperti mana yang telah dijelaskan di atas).”**

SUMBER: AL-KAFI # 1181 | MAKSUD DUA MARHALAH DI DALAM JAMAK DAN QASAR

f Mufti Wilayah Persekutuan @drzulalbakri @drzulkifli.albakri Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan www.muftiwp.gov.my





Musafir Pada Hari Jumaat



Inilah pendapat muktamad Mazhab Shafie dan jumhur ulama':

- » Sekiranya permusafiran pada hari Jumaat dilakukan **sebelum fajar**, maka **gugur** ke atasnya untuk melakukan solat Jumaat.
- » Sekiranya dia bermusafir dan permusafirannya itu **melebihi 4 hari** tidak termasuk hari masuk dan keluar ke tempat tersebut, maka dia **perlu menunaikan Solat Jumaat** kerana dia sudah berniat sebagai bermukim.
- » Jikalau permusafirannya **kurang dari 4 hari** tidak termasuk hari masuk dan keluar dari tempat tersebut maka **gugur** ke atasnya untuk melakukan solat Jumaat.



Kingkatan!

Musafir	Kewajipan Solat Jumaat
Sebelum fajar hari Jumaat	GUGUR
Lebih 4 hari	WAJIB
Kurang 4 hari	GUGUR

SUMBER: PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



myjakim



Memendekkan solat daripada empat rakaat menjadi dua rakaat.

- Solat yang boleh dipendekkan menjadi dua rakaat ialah solat Zuhur, Asar dan Isyak.

Firman Allah SWT:

وَإِذَا صَرَيْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ
أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

"Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa 'mengqasarkan' (memendekkan) sembahyang."

Surah Al-Nisa': 101

SVARAT-SVARAT Qasar

1. Solat fardhu yang diqasarkan berkenaan wajib ke atas **seseorang yang bermusafir** dan melakukannya semasa bermusafir itu.
2. Perjalanannya telah **melempi pagar sempadan qaryahnya** atau **kawasan bangunannya** jika qaryah tersebut **tidak berpagar**.
3. **Tidak berniat** menetap selama empat hari di tempat yang dituju selain pada hari mula sampai dan pada hari akan keluar.
4. **Tidak mengikut imam yang bermukim.**

SUMBER: AL-FIQH AL-MANHAJI



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



myjakim





Hukum solat jamak qasar semasa musafir tanpa bermalam

ABG PERGI DULU MAK !!!
ABG TAK TIDUR SAMA
MALAM NI ABG BALIK

OUR ABG
HATI-HATI !!

Rasulullah ﷺ bersabda :

"Rasulullah SAW menjama'kan solat Zuhur dengan Asar ketika perjalanan (yakni bermusafir) dan menjama'kan solat Maghrib dengan Isya'."

[Riwayat al-Bukhari (1056)]



Sahibus Samahah

Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
menyimpulkan:

“Dibenarkan bagi seseorang yang musafir ke suatu destinasi yang melebihi 2 marhalah untuk melakukan solat musafir seperti jamak dan qasar, sekalipun dia tidak bermalam.”

SUMBER: AL-KAFI #1177 | HUKUM SOLAT JAMAK QASAR SEMASA MUSAFIR TANPA BERMALAM

f Mufti Wilayah Persekutuan

@drzul_albakri

@drzulalbakri

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

www.muftiwp.gov.my



38



Permasalahan solat jamak & qasar

PELBAGAI HUKUM & FATWA



MENJAMAK SOLAT JUMAAT DENGAN FARDU ASAR

- Seorang yang bermusafir adalah diberi pilihan untuk solat jumaat atau solat zuhur. Ini kerana orang yang bermusafir gugur kewajibannya untuk melaksanakan solat Jumaat. Harus bagi orang yang bermusafir untuk menjamakkan solat sama ada jamak taqdim atau jamak ta'khir, di sisi mazhab al-Syafie. Kerana solat Jumaat ialah badal (ganti) bagi solat Zuhur.

SUMBER: AL-KAFI LI AL-FATAWI - SOALAN 365

JAMAK DAN QASAR JIKA TUJUAN BERZIARAH

- Jika menganggap kampung masih rumah kita, tidak boleh. Jika menziarahi orang tua dan kita sudah ada rumah di Bandar, maka hukumnya dibolehkan. Berkenaan dengan jarak perjalanan menjadi khilaf ulama. Ini kerana jarak tersebut dikira secara taqribi (anggaran sahaja) bukan tahdidi (setepatnya). Justeru ada yang mengatakan 81KM, 89KM, 90KM, 91KM, dan lain-lain lagi.

SUMBER: AL-KAFI LI AL-FATAWI - SOALAN 56

JAMAK SOLAT DISEBABKAN SIBUK MELAYAN TETAMU

- Antara sebab-sebab yang dibenarkan untuk seseorang itu menjamakkan solat:
 - Bermusafir (dengan tujuan yang harus)
 - Hujan (yang lebat sehingga memudharatkan)
 - Sakit

Tidak dibenarkan untuk menjamakkan solat dalam situasi sebegini. Ini kerana tidak termasuk di dalam sebab-sebab yang dibenarkan untuk jamak.

SUMBER: AL-KAFI LI AL-FATAWI KE #746



PHF#56
<http://muftiwp.gov.my>



Mufti Wilayah Persekutuan



@drzul_albakri



@drzulkipli.albakri



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



Senarai Rujukan

- **Buku**

- Dr Mustofa Al-Khin, et al. 1998. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Cheras, Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ismail Kamus, Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid 2009. *Indahnya Hidup Bersyariat*. Sri Damansara, Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zulkarnain bin Dollah, Azhar bin Yahya Al-Batawi, 2015. *111 Soal Jawab berkaitan solat Jamak & Qasar*. Batu Caves, Selangor : Kuizim Publications.

- **Web**

- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa>



Terbitan :



21 NOTA JAMAK & QASAR SOLAT

e ISBN 978-967-2740-58-2



(online)